

BULETIN UTHM

Bil.12 December 2024 | ISSN 2232-0415



4870 graduan terima ijazah pada Konvokesyen ke-24 UTHM

ISSN 2232-0415



UTHM Johor



www.uthm.edu.my



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 4870 graduan terima ijazah pada Konvokesyen ke-24 UTHM
- 3 Profesor Dr. Ahmad Tarmizi Abd Karim dianugerah gelaran 'Profesor Emeritus'
- 5 Nur Syafiqah Husna dan Chris Ng terima Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang)
- 7 Mahu buktikan pelajar b40 boleh cemerlang, Fadlin Afina terima Anugerah Sultan Ibrahim
- 9 Majlis Pemakaian Hud Pascasiswazah 2024 rai 216 graduan UTHM
- 11 UTHM capai kedudukan 131 terbaik dunia dalam penarafan UI Greenmetric World University Rankings 2024
- 13 UTHM raih juara kali ketiga Pertandingan Intervarsity Young Motivator Competition 2024
- 15 Perkukuh kerjasama dengan Pejabat Daerah Batu Pahat, UTHM laksana 350 program pembangunan masyarakat
- 16 FPTV Skills Challenge 2024 cungkil bakat, kemahiran dan kreativiti pelajar
- 17 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



4870 graduan terima ijazah pada Konvokesyen ke-24 UTHM



BATU PAHAT, 7 Dis 2024 – Seramai 4870 graduan pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (123), sarjana (329), sarjana muda (3492) dan diploma (926) dianugerahkan ijazah masing-masing pada Istiadat Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ke-24 yang diadakan pada 7 hingga 12 Disember 2024 ini.

Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang juga Canselor UTHM telah menyempurnakan sidang pertama istiadat konvokesyen yang berlangsung pada 7 Disember bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

DYAM Tunku Ismail dalam titahnya menyeru kepada UTHM agar terus meningkatkan produktiviti secara efisien dan komited dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan misi dan visi universiti tercapai.

“Saya akan terus memantau prestasi UTHM dari semasa ke semasa agar ia terus relevan dan mampu melahirkan graduan yang mempunyai iltizam sekali gus dapat digunakan sepenuhnya ke arah pembangunan negara,” titah Tuanku Canselor.

Tuanku Canselor turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan selain mengingatkan mereka agar dapat meningkatkan lagi kemahiran masing-masing supaya lebih berdaya saing untuk menghadapi dunia pekerjaan sebenar.

Dalam sidang tersebut, Tuanku Canselor turut berkenan menyampaikan anugerah gelaran ‘Profesor Emeritus’ kepada Profesor Dr. Ahmad Tarmizi Haji Abd Karim pada sidang pertama bagi menghargai penglibatan dan sumbangan beliau dalam dunia pendidikan tinggi, industri, komuniti dan kepimpinan.

Beberapa anugerah akademik seperti Anugerah DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Sultan Ibrahim, Anugerah Canselor, Anugerah Tan Sri Dato' Paduka Hajjah Aishah Ghani, Anugerah Akademik Yayasan UTHM, Anugerah UTHM Holdings, Anugerah Projek Sarjana Muda Terbaik, Anugerah Khas Alumni UTHM (Kategori Akademik), Anugerah Kecemerlangan Lembaga Jurutera Malaysia, Anugerah Wakaf & Endowmen, Anugerah Tesis Terbaik (Ijazah Kedoktoran) dan Anugerah Tesis Terbaik (Sarjana Penyelidikan) turut diberikan kepada graduan terpilih.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Johor, Tan Sri Dato' Haji Azmi Rohani yang juga Pro-Canselor UTHM; Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM; Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM; Datuk Dr. Haji Mohd Puad Zarkashi, Speaker Dewan Negeri Johor; Tuan Aznan Tamin Pengerusi

Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor wakil rasmi Menteri Besar Johor; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Ahli-Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor dan Tuan Haji Zainor Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat.

Bagi merai graduan dan memeriahkan lagi Konvokesyen UTHM ke-24 kali ini, pelbagai acara sampingan turut diadakan antaranya Festival Konvokesyen 2024 yang menyajikan lebih 200 gerai pelbagai variasi jualan dan Majlis Pemakaian Hud bagi meraikan kejayaan graduan pasca siswazah yang menamatkan pengajian secara penyelidikan.

Dengan berlangsungnya istiadat konvokesyen kali ke-24 ini maka jumlah alumni UTHM akan mencatatkan penambahan menjadikan bilangannya sebanyak 62067 orang.





Profesor Dr. Ahmad Tarmizi Abd Karim dianugerah gelaran 'Profesor Emeritus'

BATUPAHAT, 7 Dis 2024 – Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Pemangku Sultan Johor merangkap Canselor UTHM telah menyampaikan anugerah Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Ahmad Tarmizi Abd Karim ketika berlangsungnya Sidang Satu Istiadat Konvokesyen UTHM ke-24 yang diadakan pada 7 Disember 2024.

UTHM menganugerahkan gelaran tersebut bagi menghargai penglibatan dan sumbangan beliau dalam dunia pendidikan tinggi, industri, komuniti dan kepimpinan.

Graduan ijazah doktor falsafah dalam bidang kejuruteraan awam dan struktur dari Universiti Kebangsaan Malaysia itu mempunyai pengalaman hampir empat dekad dalam pengajaran kejuruteraan dan pentadbiran akademik.

Anak kelahiran Kampung Sebatu, Melaka itu juga telah berjaya menyelia ramai pelajar pascasiswazah dalam bidang kejuruteraan awam di peringkat Master dan PhD, selain turut dilantik sebagai pemeriksa luar

dan dalam bagi peperiksaan lisan (viva voce) pelajar penyelidikan dan pengucaptama bagi pelbagai persidangan bertaraf antarabangsa.

Selain penerbitan artikel jurnal, kertas persidangan dan buku, beliau turut bergiat aktif sebagai ahli pasukan dalam penghasilan reka cipta, inovasi dan paten.

Selain itu, beliau turut menjadi rujukan penyelidik dalam dan luar UTHM berkaitan kepakaran beliau dalam bidang geo-persekitaran.

Ahmad Tarmizi juga mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan universiti antaranya pernah memegang jawatan pengurusan utama seperti Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Alam Bina (FKAAB), Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Pengurusan Fasiliti dan ICT) dan Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat dan Perancangan Strategik), sekali gus menandakan penglibatan beliau yang berterusan dalam memajukan institusi.

Keterlibatannya dan sayangnya kepada organisasi serta cakna dalam aspek akademik dan pembangunan universiti, telah membawa beliau ke satu tahap yang lebih mencabar.

Kepakaran Ahmad Tarmizi semakin terserlah semasa memegang jawatan sebagai Pengarah Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Harta Bina, UTHM apabila beliau telah menguruskan 18 projek pembangunan fizikal di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 – 2015) yang menelan belanja kira-kira RM175 juta.

Beberapa bangunan mercu tanda yang diuruskan beliau termasuklah masjid dan Pusat Islam UTHM, Dewan Konvokesyen dan Serba guna, bangunan Pentadbiran Pusat Sukan, Kolam Renang, bangunan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Bangunan Serbaguna.

Lebih mengagumkan, pada tahun 2010, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Noor melantik beliau sebagai anggota Pasukan Petugas hab Pendidikan Pagoh (PEH) untuk membantu dan menasihati Bahagian Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi.

Ketokohan dan kepakaran Ahmad Tarmizi boleh dilihat melalui pencapaian yang telah diraih oleh beliau.

Sepanjang perkhidmatan beliau di UTHM, Ahmad Tarmizi telah mendaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera pada tahun 1993 dan turut menyertai Institusi Jurutera Malaysia pada tahun berikutnya.

Beliau juga mendaftar sebagai Teknologis Siswazah dan diiktiraf sebagai Teknologis Profesional dalam bidang Teknologi Pembinaan dengan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) pada 2019.

Selain itu, beliau merupakan Penaung Siswa Siswi Koreksional (SISKOR) UTHM dan dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya Penjara (ACP) oleh Jabatan Penjara Malaysia.

Beliau telah dianugerahkan Pingat Ketua Pesuruhjaya oleh Pesuruhjaya Jeneral Jabatan Penjara (Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia) pada tahun 2018.

Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Mohamed Yassin pada ketika itu telah melantik Ahmad Tarmizi sebagai Ahli Lembaga Hakim Pelawat bagi tahun 2019-2020.

Ahmad Tarmizi sangat berpegang teguh kepada prinsip integriti dalam hidupnya dan tidak pernah terlibat dalam aktiviti yang melanggar etika meskipun terlibat dengan pihak luar dan konglomerat dalam pembangunan universiti.

Setelah bertahun-tahun bekerja keras dan menyumbang kepada bidang pendidikan tinggi, beliau bersara sebagai Profesor (VK6) pada Jun 2021, setelah mendedikasikan 35 tahun perkhidmatan terbaik kepada Kerajaan Malaysia, khususnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan UTHM.

Walaupun telah bersara, beliau dilantik semula sebagai Pensyarah Sanjung (kontrak) di FKAAB selama dua tahun, dari 1 Julai 2021 hingga 30 Jun 2023.

Kini, meskipun telah bersara wajib, Ahmad Tarmizi masih gigih menyumbang melalui khidmat nasihat, kepakaran dan pengalaman selagi kudrat mengizinkan.





Nur Syafiqah Husna dan Chris Ng terima Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang)

BATU PAHAT, 7 Dis 2024 - Nur Syafiqah Husna Zainul Arshad, 25 graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) Dengan Kepujian dan Chris Ng, 25 graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian telah terpilih menerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang) ketika berlangsungnya Sidang 1, Istiadat Konvokesyen UTHM Ke-24.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pemangku Sultan Johor, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim selaku Canselor UTHM.

Menurut Nur Syafiqah Husna, beliau menghadapi pelbagai cabaran bagi memastikan keputusan akademik sentiasa cemerlang, sekali gus turut bergiat aktif menyertai pelbagai program universiti.

Berpegang kepada prinsip '*Fly high, the sky is the limit*', Nur Syafiqah Husna berjaya mencapai keputusan yang cemerlang sejak di bangku sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti.

"Saya bersyukur tahun ini saya mencipta sejarah sekali lagi dengan memperoleh anugerah ini dan juga Anugerah Naib Canselor.

"Manakala semasa pengajian diploma di UTHM, saya berjaya bergraduasi dengan menerima Anugerah Tan Sri Dato Paduka Hajjah Aishah Ghani dan juga Anugerah Naib Canselor," katanya.

Nur Syafiqah Husna cuba mengaktifkan diri sejak tahun pertama ijazah dengan menyandang beberapa jawatan antaranya Timbalan Presiden Kelab Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Naib Yang Dipertua Hal Ehwal Pagoh, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022 dan Pengarah Minggu Haluan Siswa Ijazah Sarjana Muda Ambilan Oktober 2022.

"Lantikan jawatan seumpama itu banyak mengajar saya untuk mengendalikan dan menguruskan program-program pelajar antaranya melaksanakan program mobiliti antarabangsa ke Seoul, Korea Selatan yang merupakan program terbesar pernah saya kendalikan," katanya.

Nur Syafiqah Husna juga sangat bersyukur kerana mempunyai ibu bapa, rakan-rakan, para pensyarah dan pegawai yang banyak memberi sokongan dan dorongan terhadap perjuangannya menuntut ilmu.

"Saya percaya bahawa pengalaman dan kemahiran yang saya perolehi dari UTHM sangatlah berguna untuk masa depan saya.

"Perkara ini dapat dibuktikan apabila saya ditawarkan untuk bekerja sebagai Jurutera di BBraun Medical Industries selepas tamat latihan industri," katanya.

Beliau sempat menitipkan pesanan kepada semua mahasiswa di luar sana untuk bergiat aktif dalam bidang kokurikulum supaya dapat meningkatkan lagi nilai tambah dalam diri, kerana ia sangat memberi manfaat ketika berada di alam pekerjaan.

Sementara tu, Chris Ng pula berkata sepanjang pengajian di UTHM, beliau selalu mencabar diri untuk bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum bagi meningkatkan lagi kemahiran insaniah yang ada.

Graduan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina itu amat berterima kasih kepada universiti dan pensyarah yang telah menyediakan pelbagai ruang dan peluang untuk memperkukuh lagi ilmu akademik dan kemahiran insaniah.

"Ceramah, bengkel dan pertandingan yang dianjurkan oleh universiti menjadi platform penting dalam perjalanan pembelajaran saya.

"Salah satu kenangan paling bermakna ialah saya berpeluang meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan dengan meraih kemenangan ketika menyertai pertandingan antarabangsa di Surakarta, Indonesia," katanya.

Berpegang kepada prinsip 'work hard, play hard', Chris turut aktif melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum, antaranya dengan menggalas tanggungjawab sebagai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan memegang jawatan penting dalam Institution of Engineers, Malaysia (IEM).

"Salah satu pengalaman yang paling saya hargai ialah ketika diberi peluang untuk menerajui satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama sebuah syarikat dan badan bukan kerajaan (NGO) di Pasir Gudang.

"Aktiviti ini membuka ruang untuk saya mempelajari selok-belok pengurusan acara dan membina kemahiran kerjasama berpasukan, sekali gus membantu saya menguasai kemahiran pengurusan masa, meningkatkan fokus semasa kuliah, dan menyiapkan tugas dengan baik," katanya.

Chris turut mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa dan rakan-rakan terdekat yang banyak memberi sokongan kepadanya sepanjang pengajian.

"Terima kasih kepada ibu dan bapa yang sentiasa menjadi pendorong utama dalam setiap langkah perjalanan saya walaupun mereka tidak begitu memahami tentang kehidupan di universiti.

"Buat rakan-rakan pelajar, manfaatkanlah sepenuhnya peluang belajar di universiti, libatkan diri dalam pelbagai aktiviti, pertandingan dan program yang mampu menambahkan lagi pengalaman berharga anda," katanya.





Mahu buktikan pelajar b40 boleh cemerlang, Fadlin Afina terima Anugerah Sultan Ibrahim

BATU PAHAT – Mahu buktikan pelajar B40 yang berlatarbelakangkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga boleh cemerlang, akhirnya Fadlin Afina Suhaimi, graduan Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian telah terpilih sebagai penerima Anugerah Sultan Ibrahim.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Pemangku Sultan Johor, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, merangkap Canselor UTHM ketika berlangsungnya Sidang 1 Istiadat Konvokesyen UTHM Ke-24 yang berlangsung pada 7 Disember.

Kisah perjalanan pengajiannya bermula dengan menyambung pengajian program Diploma Seni Kuliner sebelum berjaya menamatkan pengajian dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

“Meskipun kedua-dua bidang yang saya pilih berbeza, namun saya bersyukur mampu menamatkan pengajian dengan baik dan lancar.

“Saya benar-benar ingin membuktikan bahawa berasal daripada keluarga B40 dan berlatarbelakangkan

bidang TVET sejak awal bukanlah sesuatu yang boleh dipandang rendah,” katanya.

Fadlin Afina turut menekankan kepentingan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sejak tahun pertama pengajian sebagai usaha untuk memperkukuh kemahiran insaniah.

Berpegang kepada prinsip *Go Beyond Classroom*, beliau aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti, termasuk menjadi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan memegang jawatan penting dalam Kelab Teknologi Kejuruteraan (ETeC) UTHM serta Mahasiswa Anak Jati Johor.

“Sepanjang pengajian, saya pernah diberi peluang menguruskan program di peringkat kebangsaan seperti Pertandingan Debat dan Pidato Piala Menteri Besar Johor yang dikelola oleh Institut Dato’ Onn (IDO) dan Sekretariat Rukun Negara UTHM.

“Bermula daripada program tersebut, saya terus bergiat aktif dalam program anjuran kerajaan negeri Johor melalui IDO seperti VERSA Leadership Bootcamp dan Johor International Youth Conference (JIYC),” jelasnya.

Penglibatan dalam pelbagai program telah membantu Fadlin Afina mendalami kemahiran dalam komunikasi, pengurusan acara, bekerja secara berpasukan serta pengurusan masa.

Kejayaan dan penglibatan aktif beliau turut mendapat pengiktirafan apabila namanya tercalon dalam Anugerah Ikon Siswa Johor bagi kategori Akademik pada tahun 2023.

Graduan Fakulti Teknologi Kejuruteraan itu juga turut menzahirkan penghargaan beliau kepada ibu bapa dan universiti, khususnya Bahagian Kebajikan Pelajar yang sentiasa memberikan sokongan kepada pelajar khususnya golongan B40 sepertinya.

"Pihak kebajikan universiti sentiasa membantu pelajar yang memerlukan dan pastinya setiap bantuan yang

diberikan amat bermakna serta membolehkan saya bertahan sehingga tamat pengajian.

"Disebabkan itu, sejak dari awal lagi saya berhasrat menjadi wakil pelajar yang dapat memastikan tiada rakan lain yang ketinggalan atau terpaksa berhenti belajar akibat kesempitan hidup," katanya.

Fadlin turut menyeru rakan-rakan pelajar agar terus berusaha memperluas rangkaian hubungan (networking) bagi membantu menambah nilai dalam diri sendiri.

"Networking bukan sesuatu yang boleh dibeli tetapi boleh dicari, memanfaatkan peluang menyertai atau menganjurkan pelbagai program untuk melebarkan sayap demi masa depan yang lebih cerah," katanya.





Majlis Pemakaian Hud Pascasiswazah 2024 rai 216 graduan UTHM

BATU PAHAT, 6 Dis 2024 – Seramai 216 graduan pascasiswazah (penyelidikan) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dirai dalam Majlis Pemakaian Hud Pascasiswazah 2024 Kali Ke-12 yang berlangsung di Maple Hall, Orchid Event Space, The Summit Batu Pahat.

Majlis yang julung-julung kalinya diadakan di luar kampus UTHM itu bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian graduan pascasiswazah dan memberi penghormatan kepada penyelia dalam menyumbang ilmu dan hasil penyelidikan bagi mencapai aspirasi kecemerlangan akademik dan universiti. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM.

Dato' Ruzairi dalam ucapannya turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan, penyelia utama dan para penerima anugerah.

Beliau turut berpesan kepada semua graduan agar sentiasa menghargai pengorbanan para penyelia dan

keluarga yang telah banyak menyumbangkan masa, idea, ilmu dan suntikan semangat dalam memastikan kejayaan hari ini dapat dinikmati semua. Sebagai alumni dan duta kecil UTHM, beliau melahirkan pengharapan agar para graduan selepas ini mampu berdaya saing dan mengharumkan nama UTHM dan Malaysia di persada dunia.

Hadir sama, Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); Penolong-penolong Naib Canselor, Dekan-dekan dan ahli Senat.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran tetamu jemputan iaitu pihak Geomatics and Land Surveying Division, Royal Institution of Surveyors Malaysia.

Turut diadakan, penyampaian beberapa anugerah pascasiswazah iaitu *Best Publication Award*, *Best Innovation Award*, *Best Alumni Award*, *Best Supervisor Award*, *Highest Intake Postgraduate Programme*

Award, Outstanding International Enrollment Award, Outstanding "Program Serapan" Award, Best Student Award, Best Faculty Award for Research Graduate dan Special Award yang melibatkan seramai 39 penerima.

Pada masa yang sama, majlis tersebut turut menyaksikan penganugerahan *Best Student Award* kepada Sr. Dr. Hajah Ayati Parmen yang diberikan oleh Geomatics and Land Surveying Division, Royal Institution of Surveyors Malaysia.





UTHM capai kedudukan 131 terbaik dunia dalam penarafan UI Greenmetric World University Rankings 2024

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya mencapai kedudukan ke 131 terbaik dunia sekali gus menjadi antara 150 universiti terbaik dunia dalam penarafan UI Greenmetric World University Rankings 2024.

Keputusan penarafan tersebut dibuat menerusi pengumuman oleh sekretariat penarafan pada 12 Disember 2024 lalu di São Paulo, Brazil.

Keputusan itu merupakan pencapaian terbaik UTHM pada kedudukan 131 sejak penyertaannya pada tahun 2017 berbanding dengan pencapaian pada tahun-tahun lalu.

Untuk rekod, penyertaan penarafan UIGWUR kali ini melibatkan 1,477 penyertaan universiti dari seluruh dunia.

UTHM juga berjaya berada di kedudukan ke-8 daripada penyertaan 60 institut pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia pada tahun ini, yang juga merupakan kedudukan terbaik pernah dicapai, serta kekal menjadi antara 10 universiti tempatan terbaik dalam aspek kelestarian hijau.

Kedudukan itu disumbangkan oleh inisiatif kelestarian yang dilaksanakan oleh universiti, yang dinilai berdasarkan elemen yang ditetapkan dalam penarafan UIGWUR iaitu Tetapan dan Infrastruktur, Tenaga dan Perubahan Iklim, Sisa, Air, Pengangkutan serta Pendidikan dan Penyelidikan.

Universiti juga berjaya mengekalkan markah penuh 100% untuk elemen Pendidikan dan Penyelidikan, meletakkan UTHM di tempat ke-4 di Malaysia dan tempat ke-35 terbaik dunia menerusi elemen tersebut.

Antara elemen lain yang turut mengalami peningkatan ialah Tetapan dan Infrastruktur dengan markah 81.67% (kedudukan ke 12 peringkat nasional dan ke 157 peringkat dunia), elemen Sisa dengan markah 87.5% (kedudukan ke 7 peringkat nasional dan ke 146 peringkat dunia) dan elemen Pengangkutan dengan markah 87.5% (kedudukan ke-8 peringkat nasional dan ke 119 peringkat dunia).

Pengumpulan data ini telah diselaraskan oleh Prof. Madya Dr. Nur Shaylinda Mohd Zin di bawah Pejabat Kampus Lestari (SCO) bermula pada bulan Mac 2024 yang melibatkan Penyelaras Data Hijau dari Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Pusat Kecemerlangan/ Pusat Penyelidikan UTHM.

Proses penyediaan laporan dilaksanakan oleh SCO bersama Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian Universiti (JPKU) melalui ketua kluster dan ahli-ahlinya terdiri daripada Kluster Sisa dan Kitar Semula diketuai oleh Ir. Ts. Dr. Tong Yean Ghing, Kluster Air diketuai oleh Ir. Dr. Hartini Kasmin, Kluster Perjalanan dan Pengangkutan diketuai oleh Dr. Mohammad Nasir Mohamad Taher, Kluster Pendidikan dan Penyelidikan diketuai oleh Dr. Nur Adila Ab. Aziz, Kluster Pembangunan, Iklim dan Daya Tahan diketuai

oleh Prof. Madya Dr. Rozlin Zainal, Kluster Bangunan Hijau diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Azeanita Suratkon dan Kluster Tenaga diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Noor Abdullah.

Pengarah Pejabat Kampus Lestari (SCO), Profesor Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir berkata pencapaian ini menunjukkan warga UTHM lebih cakna dan semakin komited dalam membudayakan amalan kelestarian di universiti.

Beliau amat menghargai sumbangan dan inisiatif yang dilakukan oleh seluruh warga universiti dalam menerapkan amalan kelestarian yang kemudiannya diterjemah melalui penarafan UIGWUR ini.





UTHM raih juara kali ketiga Pertandingan Intervarsity Young Motivator Competition 2024

DURIAN TUNGGAL – Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Alif Qusyairi Abd Razak meraih gelaran juara setelah berjaya menewaskan sembilan peserta akhir dalam Pertandingan Intervarsity Young Motivator Competition 2024 (I-MAC 2024) Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Auditorium Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka pada 5 Disember lalu.

Kejayaan itu menjadikan UTHM meraih juara buat kali ketiga setelah dua pelajar UTHM sebelum ini iaitu Syafiq Yem bergelar juara pada tahun 2015 dan Nurul Hanan Jaafar pada tahun 2017.

Alif Qusyairi membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2 ribu, berserta trofi dan piala pusingan.

Manakala Naib Johan disandang oleh Nor Adilah Che Abdul Razak dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang membawa pulang wang tunai RM1,500 berserta trofi dan tempat ketiga pula diraih oleh Iffa Mawaddah Mohd Helme dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang membawa pulang wang tunai RM1 ribu dan trofi.

Seorang lagi peserta UTHM, Tengku Luqman Al Hakim Tengku Munawir juga layak ke peringkat akhir dan berjaya menerima Anugerah Motivator Ideal.

Penganjuran I-MAC 2024 kali ini melibatkan penyertaan seramai 40 peserta dari 20 universiti awam (UA).

Daripada jumlah tersebut, 10 peserta berjaya mara ke pusingan akhir.

Perjalanan kejayaan mereka bermula melalui uji bakat peringkat dalaman UTHM yang dianjurkan oleh Pusat Kaunseling Universiti (PCU).

Pemilihan peserta akhir peringkat UTHM dilakukan oleh beberapa panel iaitu Dr. Noraishah Daud, Dr. Aspalaila Abdullah, Syahrul Nizam Lukman dan Muhammad Khairullah Mohd Shaari.

Bagi memastikan UTHM menghantar peserta yang betul-betul layak, peserta terbabit diwajibkan menghadiri beberapa siri 'Personal Coaching' yang dikendalikan oleh Pegawai-pegawai Psikologi PCU.

Selain daripada itu mereka turut diberikan pendedahan ilmu berkaitan 'Personal Grooming' dan Keyakinan Diri oleh Alumni UTHM, Jefri Saari selaku penceramah.

Untuk rekod, I-MAC merupakan program tahunan Majlis Kaunseling Universiti Awam Malaysia

(MAKUMA) dan pada tahun ini UTeM telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah.

Program itu diadakan bertujuan untuk melahirkan pelapis-pelapis motivator dalam kalangan mahasiswa UA yang boleh menjadi pembimbing dan ikon kepada pelajar, sekali gus melatih mahasiswa supaya lebih berkeyakinan dalam memotivasikan individu.

Pertandingan itu mula diperkenalkan pada tahun 2015 dan pada ketika itu Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dipilih sebagai penganjur.

Alif Qusyairi yang mempertaruhkan tajuk 'Pemikiran Positif Bak Air Yang Mengalir' mengangap

pertandingan seumpama ini memberinya ruang dan peluang untuk mengasah kebolehannya dalam bidang motivasi.

"Saya amat bersyukur mempunyai sistem sokongan yang sangat membantu iaitu ibu, bapa dan adik beradik saya, Pusat Kaunseling UTHM, pensyarah dan kawan-kawan universiti yang sentiasa ada bersama.

"Berpegang kepada prinsip *We learn from what people shared, and we share what we learn*, saya cuba berusaha dengan lebih gigih untuk memastikan saya betul-betul bersedia menyertai pertandingan ini," katanya.





Perkukuh kerjasama dengan Pejabat Daerah Batu Pahat, UTHM laksana 350 program pembangunan masyarakat

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus memperkukuhkan komitmennya terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat melalui pelaksanaan lebih 350 program Bersama komuniti pada tahun 2022 sehingga 2024.

Dengan visi menjadikan daerah Batu Pahat sebagai model Masyarakat 5.0 dan menyokong Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2030, UTHM akan terus bekerjasama erat dengan Pejabat Daerah Batu Pahat bagi memastikan matlamat pembangunan inklusif tercapai.

Menurut Pegawai Daerah (DO) Batu Pahat, Haji Zainor Adani, kerjasama strategik antara UTHM dan Pejabat Daerah amat diperlukan bagi memperkukuhkan lagi hubungan institusi-komuniti.

Melalui kerjasama yang terjalin, UTHM akan melibatkan komitmen pemimpin-pemimpin masyarakat dalam pelaksanaan program berbentuk khidmat komuniti serta perkongsian ilmu sejajar dengan konsep 'Jemput Sejati Madani.'

"Pendekatan ini diharap dapat membina hubungan lebih erat antara universiti dan komuniti setempat," katanya.

Sebagai contoh, Pusat Islam dan Yayasan UTHM telah melaksanakan beberapa program prihatin komuniti dengan memperuntukkan sejumlah dana yang besar bagi membantu pelbagai isu sosial masyarakat setempat, termasuklah bantuan kewangan, pendidikan dan pemerkasaan golongan rentan.

UTHM terus melangkah ke hadapan dengan melaksanakan 'Model Penta Helix' yang mengintegrasikan kerjasama antara kerajaan, industri, akademik, komuniti dan media.

Beberapa program berimpak tinggi dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2025 antaranya program

Halal Central Kitchen untuk B40: Penyediaan makanan halal berkualiti untuk komuniti memerlukan, Transformasi Ekonomi Digital Wanita: Pemerkasaan wanita melalui teknologi dan keusahawanan digital serta Projek Hijau Living Lab: Penggunaan teknologi TVET, IoT, dan pendekatan lestari untuk inovasi hijau.

UTHM juga memanfaatkan platform pendidikan untuk menyokong pembangunan komuniti antaranya penganjuran program SULUNG yang menawarkan biasiswa kepada pelajar tempatan yang layak, TVET UNITY dan TVET TAHFIZ bagi memperkasakan pelajar dengan gabungan nilai agama dan teknologi, serta pelantikan sekolah dan kampung angkat bagi memacu pembangunan pendidikan dan infrastruktur komuniti setempat.

Manakala bagi meningkatkan lagi pencapaian program, UTHM bekerjasama dengan media tempatan dan platform digital melalui kempen kesedaran, liputan berita dan inisiatif *crowdfunding*, sekali gus menjana dana tambahan untuk memperluaskan impak sosial.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim pula berkata inisiatif kolaborasi strategik bersama Pejabat Daerah Batu Pahat dan pelbagai pihak berkepentingan itu diharap dapat memperkukuhkan peranan UTHM sebagai peneraju inovasi sosial dan pembangunan komuniti.

"Gabungan usaha itu menyokong aspirasi Masyarakat 5.0 dengan memastikan pembangunan yang lestari, inklusif dan progresif untuk masyarakat Johor.

"Kerjasama erat dengan Pejabat Daerah dan pemimpin setempat melalui pendekatan 'Jemput Sejati Madani' berupaya memperkukuhkan misi kami untuk membina masyarakat yang berkualiti dan sejahtera," katanya.



FPTV Skills Challenge 2024 cungkil bakat, kemahiran dan kreativiti pelajar

BATU PAHAT, 18 Disember 2024 – Bagi mencungkil bakat, kemahiran dan kreativiti pelajar, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan pertandingan *FPTV Skills Challenge 2024* yang berlangsung selama tiga hari.

Pertandingan yang disertai oleh 76 peserta itu menyaksikan mereka bersaing dalam tujuh bidang iaitu *Bricklaying, Electrical Control System, Machining Assembly, Graphic Design Technology, HVAC Design, Food Preparation and Production*, serta *Welding Technology*.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq dalam ucapannya menegaskan bahawa acara sebegini bukan sekadar pertandingan kemahiran, tetapi juga platform penting untuk menguji kecemerlangan serta ketahanan mental pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional.

“Program sebegini mencerminkan komitmen UTHM dalam membangunkan pendidikan teknikal dan vokasional berkualiti tinggi serta memastikan pelajar bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan,” katanya.


Pertandingan itu menyaksikan Farid Asraaf Zainudin, peserta dari bidang *Electrical Control System* telah memenangi Anugerah Tangan Emas FPTVSC 2024 kerana pencapaian cemerlangnya yang berjaya menarik perhatian para juri.

FPTV Skills Challenge 2024 edisi pertama yang diadakan ini membuktikan keberkesanan ekosistem pendidikan TVET di UTHM dalam melahirkan generasi muda yang berkemahiran tinggi, inovatif dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

Jawatankuasa program yakin bahawa *FPTV Skills Challenge* akan terus menjadi platform unggul dalam membentuk pakar teknikal dan vokasional di universiti ini, sekali gus mengukuhkan kedudukan FPTV dan UTHM sebagai peneraju utama dalam pendidikan TVET di Malaysia.



Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide designed to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guiding researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulate focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tools provided, their organization, and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

